

MINGGU SAINS DAN MATEMATIK SMK TUNKU SULONG, JENIANG, KEDAH 2016

JENIANG, KEDAH, APRIL 2016 - Minggu Sains dan Matematik merupakan satu program tahunan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Sulong. Program yang dijalankan ini merupakan satu pendedahan kepada seluruh warga sekolah dalam mempelajari dan mengetahui ilmu dalam bidang Sains. Program yang berlangsung selama sehari, telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada seluruh warga sekolah yang hadir.



Pelbagai pengisian program dan jemputan pameran yang telah dirancang berjalan dengan jayanya sepanjang program tersebut berlangsung. Antaranya seperti Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE>) dijemput bagi melakukan aktiviti demonstrasi sains serta memberikan pendedahan ilmu berkaitan Teknologi Hijau dalam program tersebut.



Selain itu juga, aktiviti seperti Ceramah Budaya Hidup Sihat, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Persembahan Matematik, Pertunjukan Sainstis Remaja dan Rekreasi Matematik turut sama memeriahkan program yang berlangsung selama sehari di sekolah tersebut.



Terkini



Pautan